

227

**Kita boleh jatuhkan
pemimpin tapi bukan perpaduan**

Ahli UMNO digesa fahami perlembagaan parti, negara

U.M. 20 MAY 1976

Ahli-ahli UMNO diminta memahami perlembagaan dan peraturan dalam negara dan parti bagi menjamin perpaduan dan kekuatan orang Melayu di negara ini.

"Kita tidak boleh bertindak menyalahi undang-undang dan kuasa yang ada pada kita kerana dengan demikian boleh merosakkan kekuasaan itu sendiri", kata Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya terdapat 31 negara-negara lain yang bertindak menyalahi kuasa yang diberi akhirnya menjadi lemah lumpuh dan jauh serta hilang kekuasaan tersebut.

Dr. Mahathir berucap demikian ketika merasmikan persidangan UMNO Bahagian Alor Setar di Sekolah Sri Amar Diraja di sini, pagi ini.

Dengan itu katanya, setiap ahli UMNO di dalam perjumpaan-perjumpaan dan mesyuarat agung perlu menoleh ke belakang melihat sejarah asal usul kita untuk menjadi panduan.

Tabiat orang Melayu yang sukaz berpecah belah kerana perasaan tamak yang melihat dari jangka masa singkat dan tidak memikirkan masa depan perlu diubah dan disingkatkan.

ALOR SETAR 28 MEI

Katanya, pada masa ini UMNO telah memberi kuasa, kita mempunyai majoriti dalam negara ini dan boleh meminda undang-undang untuk memberi apa saja yang diperlu oleh ahli-ahli UMNO, tetapi kita tidak berhasrat berbuat demikian.

Ini kerana kita berpegang teguh kepada perlembagaan dan bertindak mengikut perlembagaan untuk mengekalkan perpaduan tetapi bukan mengekalkan pemimpin, kata Dr. Mahathir.

Menurutnya, ada di kalangan ahli-ahli UMNO yang kurang faham dengan perlembagaan ini dan terus mendesak pemimpin-pemimpin supaya menggunakan kuasa yang ada dan diberi itu.

"Kebanyakan desakan-desakan itu tidak berasaskan keadilan tetapi mereka semata-mata mengikut kehawa nafsu dan kepentingan diri", kata Dr. Mahathir.

Beliau kemudian menjelaskan bahawa sesuatu kekuasaan itu mempunyai hadnya, dari itu apa yang dituntut dari kerajaan ha-

ruslah bertindak mengikut kekuasaan yang ada sahaja.

Kalau kita salah gunakan kuasa yang ada itu mungkin kita akan menjadi lemah dan negara juga turut terancam terutama dari anasir jahat komunis tegas Dr. Mahathir.

Dengan itu kita mestilah berpegang teguh kepada perlembagaan kita bagi terus mengekalkan kekuatan dan kekuasaan kerana perlembagaan dan peraturan yang ada ini telah diterima oleh semua kaum, tegasnya.



Dr. Mahathir